

DBKL kompaun 5 syarikat kontraktor

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan lima kompaun terhadap lima syarikat kontraktor yang menjalankan kerja mengorek jalan di ibu kota kerana pelbagai kesalahan, termasuk tidak mematuhi prosedur kerja.

DBKL menerusi kenyataan di Facebook berkata, tindakan itu dibuat bersama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menerusi Ops Korekan Jalan di sekitar Parlimen Segambut, Bukit Bintang dan Kepong pada 25 April lalu.

Menerusi operasi itu, DBKL menjalankan pemeriksaan terhadap kontraktor menjalankan kerja mengorek jalan secara tidak mematuhi prosedur kerja betul dan pelbagai kesalahan lain.

“Lima syarikat kontraktor



Antara lokasi kerja mengorek jalan oleh kontraktor yang diperiksa DBKL dan CIDB di ibu negara.

(Foto FB DBKL)

yang sedang menjalankan kerja penambahbaikan di lima lokasi berbeza sudah disemak kelulusan permit, prosedur kerja dan

lain-lain lagi, bagi memastikan keselamatan pekerja dan orang awam terjaga.

“Hasil semakan, DBKL

mengeluarkan lima notis tawaran kompaun mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta Undang-Undang Kecil (UUK) Pengangkutan Bahan 1997 atas pelbagai kesalahan,” kata DBKL.

DBKL berkata, CIDB turut mengeluarkan satu notis tawaran kompaun atas kesalahan kegagalan pihak kontraktor untuk mendapatkan kelulusan CIDB bagi menjalankan kerja penambahbaikan.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari masa ke semasa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti,” katanya.

Untuk sebarang aduan, orang awam boleh berhubung atau menyalurkan maklumat di <https://adukl.dbkl.gov.my/>